

Proses Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam dan Keberkesannya: Pembangunan Instrumen

BITARAVolume 4, Issue 3, 2021: 010-023
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

The Halal Certification Process in Brunei Darussalam and its Effectiveness: Instrument Development

Norkhairiah Hashim¹

Abstrak

Item-item instrumen kajian yang tidak disahkan oleh pakar sering diragui kebolehgunaannya. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik bagi penyelidikan tentang proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam dan keberkesannya. Sebuah instrumen telah dibina untuk diguna pakai dalam penyelidikan ini meliputi lima konstruk utama iaitu persepsi tentang keberkesanan proses pensijilan halal, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan halal, masalah yang wujud dan menghalang keberkesanan proses pensijilan halal, kelebihan pensijilan halal Brunei Darussalam dan cadangan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam. Langkah-langkah pembangunan instrumen proses pensijilan halal dan keberkesannya ini meliputi pembangunan konstruk soal selidik, pembinaan item soal selidik, pengesahan pakar dan kajian rintis bagi mendapatkan pengesahan dan analisis nilai pekali kebolehpercayaan *alpha cronbach*. Jumlah item yang dibina bagi soal selidik ini pula adalah sebanyak 101 item. Pembinaan konstruk dan item-item soal selidik adalah merujuk kepada prosedur pensijilan halal dan piawaian halal yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam di samping beberapa hasil kajian literatur. Pengesahan muka dan kandungan instrumen dilakukan oleh tiga orang pakar dalam bidang halal. Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa nilai *alpha Cronbach* konstruk dan item soal selidik adalah di antara julat 0.90 hingga 1.00. Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa konstruk dan item soal selidik mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan dalam mengukur persepsi masyarakat tentang keberkesanan proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam.

Kata kunci:

pensijilan Halal, Keberkesanan, Instrumen, Konstruk, Item.

Abstract

The items of research instruments that are not validated by experts are often doubtful of their usefulness. Therefore, this study was conducted to identify the validity and reliability of the questionnaire items for research on the Halal certification process in Brunei Darussalam and its

¹ Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI DARUSSALAM.

Corresponding Author:

NORKHAIRIAH HASHIM, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI DARUSSALAM

*e-mel: norkhairiah.hashim@unissa.edu.bn

effectiveness. An instrument has been developed to be used in this research covering five main constructs namely perceptions on the effectiveness of the halal certification process, factors influencing the effectiveness of the halal certification process, problems that exist and hinder the effectiveness of the halal certification process, the advantages of Brunei halal certification and suggestions to improve the quality and effectiveness of the Halal certification process in Brunei Darussalam. This research instrument includes the development of questionnaires items and constructs, expert validation and pilot studies to obtain the reliability of Cronbach's alpha coefficient value. The total number of items developed for this questionnaire is 101 items. The development of the constructs and items of the questionnaire also refers to the halal certification procedures and halal standards implemented in Brunei Darussalam as well as referring to some of the literature reviews. Face validity and content validity of the instrument was performed by three experts in the field of halal. The findings of the pilot study showed that the value of alpha Cronbach's for all items was in the range of 0.90 to 1.00. The findings of the pilot study also indicate that the constructs and the items of the questionnaire have a high level of validity and reliability to be used in measuring public perceptions about the effectiveness of the Halal certification process in Brunei Darussalam.

Keywords:

Halal Certification, Effectiveness, Instrument, Validity, Reliability.

Cite This Article:

Norkhairiah Hashim. 2021. Proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam dan keberkesannya: Pembangunan instrumen. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 10-23.

Pengenalan

Pensijilan halal adalah merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti yang mengesahkan sesuatu produk itu adalah mengikut garis panduan halal haram sebagaimana yang telah ditetapkan oleh agama Islam terutamanya untuk memastikan tiada sumber yang haram bercampur dalam kandungan sesuatu produk (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012). Majoriti umat Islam memahami bahawa pensijilan halal adalah berasaskan hukum syarak manakala tujuan utamanya pula adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna Islam mengenai status halal sesuatu produk baik berupa makanan atau lain-lainnya. Selain daripada itu, pensijilan halal juga dianggap sebagai memenuhi budaya pengguna yang mahukan produk yang memberi kesan kesihatan, selamat dan berkualiti. Apa yang menariknya, pensijilan halal juga dianggap sebagai satu nilai komersial perdagangan iaitu "*marketing tools*" untuk meraih pasaran dalam dan luar negara kerana permintaan ke atas produk-produk halal meningkat seiring dengan peningkatan pengguna Islam di seluruh dunia (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012).

Di Negara Brunei Darussalam, permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal adalah mandatori terutama bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan makanan. Permohonan Sijil Halal bagi produk selain makanan seperti produk perubatan bukan oral, produk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan (logistik) adalah bersifat pilihan dan sukarela. Antara prosedur bagi mendapatkan sijil halal adalah setiap pemohon hendaklah memastikan tempat perniagaan yang menyediakan makanan itu mempunyai sekurang-kurangnya dua orang penyelia halal yang telah diperakui oleh Majlis Ugama Islam Brunei

(MUIB) sebagaimana yang termaktub di dalam Bab 4 (1) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 (MUIB, 2007).

Proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam pula melibatkan pemeriksaan daripada juruaudit Halal daripada Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) di samping menjalankan ujian lisan dan ujian bertulis kepada penyelia makanan halal. Hasil penilaian pemeriksa atau juruaudit terhadap pemeriksaan yang dijalankan maka satu laporan dihadapkan kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal untuk mengadakan mesyuarat bagi mempertimbangkan permohonan tersebut. Permohonan yang disokong akan dihadapkan kepada MUIB untuk meneliti dan pertimbangan selanjutnya. Secara amnya, proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam adalah melalui beberapa peringkat hierarki terdiri daripada pihak yang berautoriti. Langkah ini juga adalah merupakan satu langkah kawalan yang berterusan oleh pihak pengurusan pensijilan halal semata-mata bagi memastikan standard atau piawaian halal yang dimiliki itu mempunyai jaminan integriti yang paling tinggi (Khairul Anuar, Joni & Mohd Roslan, 2017). Namun, sejauh manakah proses pensijilan halal ini dikaji keberkesannya memandangkan perkara ini juga melibatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan yang juga perlu diberi perhatian.

Pernyataan Masalah

Pelbagai jenis instrumen kajian berkenaan dengan pensijilan halal telah banyak dijalankan oleh penyelidik lepas. Pemilihan instrumen kajian biasanya dilaksanakan berdasarkan keperluan dan matlamat kajian yang dijalankan. Sebuah instrumen soal selidik yang dibina Mohd Nazri (2007) tentang keberkesanan pensijilan halal adalah bertujuan untuk mengetahui kepekaan pengguna dengan pensijilan Halal Malaysia dan mengukur pengetahuan pengguna tentang Badan pensijilan Halal serta mengukur kepekaan pengguna berdasarkan demografi responden. Hartini dan Hamidah (2018) pula menghasilkan soal selidik bagi mengkaji keyakinan pelanggan terhadap pensijilan Halal kerana menurutnya kajian terdahulu tidak mengkaji peranan keyakinan pensijilan Halal sebagai pengantara dalam hubungan antara pensijilan logo Halal, pengetahuan agama, ciri-ciri pekerja dan kesetiaan pelanggan. Dari aspek cabaran pensijilan halal pula, satu kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran yang wujud dalam pelaksanaan pengurusan halal (Noor Fiteri & Masnisah, 2015). Berdasarkan beberapa instrumen yang telah dibina ini, pengkaji mendapati instrumen adalah tertumpu kepada satu aspek yang khusus sahaja dan belum mendapati sebarang soal selidik yang merangkum keseluruhan aspek proses dan keberkesanan pensijilan halal yang menyentuh banyak aspek seperti persepsi tentang keberkesanan proses pensijilan halal, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan halal, masalah yang wujud dan menghalang keberkesanan proses pensijilan halal, kelebihan pensijilan halal Brunei Darussalam dan cadangan bagi meningkatkan kualiti proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam. Pengkaji mendapati untuk meninjau tentang keberkesanan proses pensijilan halal di Brunei Darussalam menerusi instrumen soal selidik perlu dibina dengan mengambil kira beberapa aspek penting yang berkaitan dengan proses dan faktor keberkesanan atau multi-dimensi memandangkan keterbatasan pengkaji untuk memungut data terhadap responden yang ada di merata tempat dan masa responden yang terhad untuk mendapatkan maklumat yang tepat (Ghazali dan Sufean, 2016).

Keperluan kepada kesahan instrumen kajian menerusi kaedah semak pakar adalah bagi memastikan selain daripada menilai kesesuaian isi kandungan, laras bahasa, dan tahap kesukaran soal selidik yang akan dijalankan tetapi juga untuk menilai ketepatan, kebenaran dan kebolehgunaan instrumen (Ghazali dan Sufean, 2016). Menurut Ananda Kumar Palaniappan (2009), kesahan instrumen juga penting dilakukan menerusi ujian rintis. Wiersma (2000) pula menyatakan bahawa kesahan instrumen perlu dijalankan bagi memastikan item-item yang diguna pakai adalah memadai dan mewakili matlamat yang hendak diukur dan menerusi kaedah piawai yang lazim dijalankan oleh pakar penyelidikan. Isu yang sering ditimbulkan adalah item dalam instrumen soal selidik tidak disahkan terlebih dahulu sebelum dipercayai kebolehgunaannya terhadap sampel atau responden kajian. Nilai *alpha Cronbach* yang tinggi semata-mata tidak bermakna instrumen tersebut cukup baik dari segi kebolehpercayaannya sedangkan instrumen tersebut tidak sah.

Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina adalah cukup untuk mendapatkan data bagi penyelidikan yang dilaksanakan iaitu tentang proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam dan keberkesanannya.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

1. Membina instrumen tentang proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam dan keberkesanannya.
2. Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam dan keberkesanannya.

Tinjauan Literatur

Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam

Proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam melibatkan kepatuhan para pemohon terhadap apa jua garis panduan yang berkaitan dengan pensijilan halal termasuk memenuhi keperluan dalam piawai Brunei Darussalam PBD 24:2007 mengenai makanan halal. Antara prosedur utama yang juga perlu dipenuhi oleh pemohon untuk membolehkan proses pensijilan Sijil Halal berjalan lancar adalah setiap pemohon dikehendaki untuk mendapatkan borang permohonan di kaunter Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) atau di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di samping menyertakan salinan dokumen yang dikehendaki dan seterusnya borang dan dokumen yang lengkap dikembalikan ke kaunter BKMH bagi penelitian lanjut. Antara inisiatif Majlis Ugama Islam Brunei bersama dengan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dalam meningkatkan efisiensi perkhidmatan kepada pelanggannya, kedua-dua jabatan ini memperkenalkan komitmen meluluskan Sijil Halal dan Permit Halal dalam tempoh 45 hari kalendar bagi setiap


permohonan. Senarai dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam adalah sebagaimana yang terdapat di dalam jadual 1 berikut:
 Jadual 1: Senarai dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam.

No	DOKUMEN DIPERLUKAN	Restoran / Medan Selera / Kafe	Produk Makanan	Ubat Tradisional / Tambahan Kesihatan	Kosmetik	Farmaseutikal
1	Salinan Kad Pengenalan / Pasport pemilik	✓	✓	✓	✓	✓
2	2 keping gambar pemilik berukuran pasport	✓	✓	✓	✓	✓
3	Salinan Sijil Pendaftaran Pemiagaan (16 & 17)	✓	✓	✓	✓	✓
4	Penyelia Halal (sekurang-kurangnya 2 orang)	✓	✓	✓	✓	✓
	• Salinan Kad Pengenalan / Pasport	✓	✓	✓	✓	✓
	• 2 keping gambar berukuran pasport	✓	✓	✓	✓	✓
	• Sijil Kesihatan	✓	✓	✓	✓	✓
5	Senarai Produk / Menu	✓	✓	✓	✓	✓
6	Senarai Bahan Ramuan	✓	✓	✓	✓	✓
7	Senarai Bahan Ramuan bagi setiap produk		✓	✓	✓	✓
8	Carta Aliran Produk dan Titik Kawalan Kritikal Halal (Halal CCP)		✓	✓	✓	✓
9	Sijil Halal / Surat Pengakuan Halal bagi bahan ramuan (Jika perlu)	✓	✓	✓	✓	✓
10	Produk spesifikasi bagi bahan pembungkus		✓	✓	✓	✓
11	Pelan premis pemiagaan	✓	✓	✓	✓	✓
12	Pelan lokasi premis pemiagaan	✓	✓	✓	✓	✓
13	Salinan muka surat senarai isi kandungan Fail Pensijilan Halal	✓	✓	✓	✓	✓
14	Dokumen diperlukan dari Jabatan Perkhidmatan farmaseutikal , Kementerian Kesihatan:					
	• Lesen Produk Ubat					✓
	• Lesen Pengilang			✓		✓
	• Surat kebenaran untuk mengimport dan menjual			✓		
	• Surat pengakuan produk kosmetik				✓	
	• Lesen Amalan Perkilangan Baik			Tidak Diwajibkan Tetapi Disyorkan		
15	Deklarasi amalan perkilangan baik				✓	

Adapun proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam juga melibatkan pemeriksaan daripada juru audit halal dari BKMJ yang mana pegawai-pegawai ini menjalankan ujian lisan dan ujian bertulis kepada penyelia makanan halal. Jika penyelia makanan halal tersebut lulus dalam ujian maka tauliah akan diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Antara perkara yang tugas dan tanggungjawab pemeriksa atau juru audit halal semasa menjalankan pemeriksaan ke tempat perniagaan adalah memeriksa dokumentasi premis perniagaan, memeriksa makanan untuk tujuan perdagangan, memerhati kesemua proses semua produk bermula daripada bahan mentah, cara pemprosesan, pengendalian, pengedaran produk. Selain itu, peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan juga diperiksa termasuk tempat penyimpanan, tempat peragaan dan tempat penyajian produk. Antara aspek penting yang menjadi tumpuan pemeriksa atau juru audit juga adalah memeriksa kebersihan, sanitasi

dan keselamatan makanan. Pemeriksaan juga dilaksanakan semasa proses pembungkusan, pelabelan, bilik sejuk dan pengangkutan.

Di peringkat akhir proses pemeriksaan, jika pemeriksa atau juruaudit berpuas hati tentang hasil pemeriksaan maka laporan dihadapkan kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal. Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal akan mengadakan mesyuarat untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Jika permohonan tersebut disokong maka laporan akan dihadapkan kepada MUIB. Pihak MUIB akan mengadakan mesyuarat bagi meneliti dan mempertimbangkan laporan permohonan. Seterusnya jika permohonan tersebut juga disokong maka sijil halal akan dikeluarkan untuk premis tersebut.



Carta Alir 1: Prosedur memohon Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam

Pembangunan Instrumen Kajian

Instrumen adalah merupakan alat kajian bagi mendapatkan data dalam sesuatu penyelidikan. Instrumen boleh diambil daripada kajian lampau namun perlulah diubahsuai mengikut keperluan kajian yang hendak dijalankan manakala instrumen yang dibina sendiri pula menghendaki kepada proses pengesahan dan diuji kebolehpercayaannya terlebih dahulu menerusi kajian rintis sebelum penyelidikan sebenar dilaksanakan. Biasanya, instrumen soal selidik dikenal pasti sebagai alat pengumpulan data bagi jenis kajian kuantitatif. (Ghazali dan Sufean, 2016).

Pembinaan instrumen boleh dilakukan dengan berpandukan Model Penilaian Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP). Pembinaan instrumen menerusi model KIPP ini melibatkan tiga fasa iaitu, kajian literatur, pembinaan instrumen kajian dan analisis kesahan kandungan dan kebolehpercayaan instrumen. Banyak penyelidikan mengaplikasikan model KIPP kerana dipercayai sesuai untuk menilai keberkesanan di samping dapat mengetahui kekuatan dan kekurangan yang boleh diperbaiki. Secara ringkasnya, model ini adalah bersesuaian untuk menilai sejauh mana elemen-elemen konteks, input dan proses mempengaruhi produk iaitu tahap keberkesanan sesuatu perkara yang hendak dikaji (Faizal dan Leow, 2017)

Fungsi soal selidik dalam sesuatu kajian adalah untuk mengukur sesuatu berdasarkan penganalisan data sama ada secara statistik deskriptif ataupun inferensi selain daripada mendapatkan maklumat sesuatu penyelidikan. Antara kelebihan soal selidik digunakan dalam sebuah penyelidikan adalah memudahkan pengkaji memungut data yang tepat dengan cepat terhadap responden yang ada di merata tempat di samping masa yang sangat terhad (Ghazali dan Sufean, 2016).


Antara ciri-ciri item soal selidik yang perlu dititikberatkan oleh setiap pengkaji adalah ciri-ciri kebolehpercayaan berdasarkan konstruk soal selidik dan indikator item soal selidik. Di samping item-item berskala Likert yang berbentuk 'rank-order' yang dimulai dengan nilai rendah atau negatif skala 1 kepada nilai yang tinggi atau positif skala 5, item-item jenis open-ended juga digunakan bagi mendapatkan maklum balas dan komen secara terbuka (Popham, 1990).

Sebuah instrumen telah dibina untuk diguna pakai dalam penyelidikan ini meliputi lima konstruk utama iaitu persepsi tentang keberkesanan proses pensijilan halal, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan halal, masalah yang wujud dan menghalang keberkesanan proses pensijilan halal, kelebihan pensijilan halal Brunei Darussalam dan cadangan bagi meningkatkan kualiti proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam.

Metodologi


Kajian ini memfokuskan pembangunan instrumen soal selidik bagi meninjau keberkesanan proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam yang meliputi beberapa proses dan tahapan, bermula daripada meneliti permasalahan, pelaksanaan kajian literatur hingga kepada pembentukan instrumen seterusnya mendapatkan pengesahan pakar diikuti dengan kajian rintis dan analisis nilai *alpha Cronbach*. Pengkaji juga telah mengadaptasi model KIPP ini untuk membina satu kerangka konseptual pembinaan instrumen yang menggambarkan hubungan

antara konteks-input-proses-produk. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka konseptual pembinaan instrumen soal selidik mengadaptasi model KIPP (konteks-input-proses-produk)

Adaptasi model KIPP bagi pembangunan instrumen soal selidik ini, pengkaji dapat menggambarkan reka bentuk kajian sebagaimana carta aliran 2 di bawah ini:



Carta Alir 2: Proses Pembangunan Instrumen Soal Selidik Proses pensijilan Halal Negara Brunei Darussalam

Analisis data menghasilkan dapatan mengenai tahap kesahan adalah berdasarkan maklum balas majoriti dalam kalangan pakar yang dihuraikan di dalam borang yang disediakan oleh pengkaji manakala analisis untuk menghasilkan dapatan bagi mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan adalah berdasarkan nilai *alpha Cronbach* dilakukan dengan berbantuan software SPSS versi 21.

Dapatan Kajian

Kajian ini pada dasarnya adalah untuk membangun instrumen soal selidik dan mengenal pasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik bagi penyelidikan tentang keberkesanan proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pengkaji memfokuskan huraian dalam dapatan kajian ini khusus kepada menjelaskan konstruk item dan jumlah item bagi instrumen soal selidik yang dibangunkan dan hasil kesahan pakar serta huraian dapatan nilai *alpha Cronbach* setelah menjalankan analisis statistik terhadap instrumen soal selidik yang telah dijalankan bagi kajian rintis.

Menerusi pernyataan masalah dan tinjauan literatur mengenai proses dan prosedur pensijilan halal, pengkaji telah dapat mengumpulkan beberapa maklumat yang boleh dijadikan bahan untuk membangun instrumen khususnya item-item bagi soal selidik. Kajian ini telah membolehkan pengkaji membina sebanyak 5 konstruk item dan 101 atribut item bagi instrumen soal selidik. Bilangan dan pecahan item mengikut konstruk bagi instrumen ini ditunjukkan pada Jadual 2:

Jadual 2: Taburan Item Mengikut Konstruk dalam Instrumen

Konstruk	Nombor Item	Bilangan Item
Persepsi Tentang Proses pensijilan Halal	1 – 21	21
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Proses pensijilan Halal	22 – 45	24
Masalah Yang Wujud Dan Menghalang Keberkesanan Proses pensijilan Halal	46 – 69	24
Kelebihan pensijilan Halal Brunei Darussalam	70 – 90	21
Cadangan Bagi Meningkatkan Kualiti Dan Keberkesanan Proses pensijilan Halal Di Negara Brunei Darussalam	91 - 101	11
Instrumen	1 - 101	101

Pada tahap pengesahan pakar bagi instrumen soal selidik yang dibangunkan, pengkaji telah menggunakan teknik kesahan kandungan melalui pembuktian (*content-related evidence*

of validity) iaitu dengan mengedarkan kepada seramai 3 orang pakar rujuk. Ketiga-tiga pakar didapati telah bersetuju dengan ketepatan isi kandungan, format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolegunaan variabel kecukupan kandungan item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawabnya serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Ringkasan dapatan bagi kesahan pakar dijelaskan di dalam jadual 1 berikut ini:

Jadual 1: Pengesahan Pakar menerusi teknik kesahan kandungan melalui pembuktian (content-related evidence of validity)

Bil	Kesahan Kandungan	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3
1	Ketepatan Isi Kandungan	/	/	/
2	Format Instrumen	/	/	/
3	Sifat Komprehensif Instrumen	/	/	/
4	Kebolegunaan Variable	/	/	/
5	Kecukupan Kandungan Item	/	/	/
6	Ketekalan Kandungan dan format item	/	/	/

Manakala dari sudut kesahan muka (*face validity*), kajian ini juga telah mendapati bahawa ketiga-tiga pakar telah mengesahkan bahawa item-item yang dibina mewakili konstruk yang diukur, termasuk ketepatan penggunaan bahasa, ejaan, frasa ayat. Hanya seorang pakar (pakar 3) sahaja yang memberikan cadangan pembaikan kepada 5 item untuk difrasakan ayatnya. Huraian pengesahan pakar dari aspek kesahan muka (*face validity*) adalah sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual 2:

Jadual 2: Pengesahan Pakar bagi kesahan muka (face validity) instrumen

Bil	Kesahan Muka	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3
1	Item Yang Dibina Mewakili Konstruk Yang Diukur	/	/	/
2	Ketepatan Penggunaan Bahasa	/	/	/
3	Ketepatan Penggunaan Ejaan	/	/	/
4	Ketepatan Penggunaan frasa ayat	/	/	/

Kajian tentang kesahan pakar ini juga mendapati cadangan pakar memisahkan dua atribut dalam satu item soal selidik adalah penting bagi memudahkan responden menjawab secara tepat dan berfokus kepada apa yang dikehendaki. Berdasarkan cadangan tersebut pengkaji melakukan ubah suai dan pembaikan di samping melaksanakan pengemaskinian jumlah item di dalam konstruk item yang dimaksudkan oleh pakar.

Bagi dapatan kajian rintis soal selidik yang diedarkan kepada sejumlah 30 responden pula bukanlah bertujuan untuk mengukur dapatan daripada respon sampel bahkan sebaliknya adalah untuk melihat kepada kejelasan soalan atau item sahaja. Walaubagaimanapun, pengkaji juga menjalankan analisis nilai *alpha Cronbach* semata-mata bertujuan untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi menjelaskan sejauhmana skor-skor dalam setiap

item yang diperoleh adalah konsisten dan stabil apabila diuji beberapa kali. Tafsiran nilai *Cronbach alpha* (α) digunakan bagi menilai tahap kebolehpercayaan instrumen yang dibangun berada pada tahap antara rendah yakni tidak diterima atau pun pada tahap sangat tinggi iaitu boleh diterima. Tafsiran nilai *Cronbach alpha* (α) correlation coefficients dijelaskan sebagaimana di dalam jadual 3 berikut:

Jadual 2: Nilai *Cronbach alpha* (α) dan Tafsiran menurut Babbie (1992)

Cronbach alpha (α)	Tafsiran
0.90 - 1.00	Sangat Tinggi
0.70 - 0.89	Tinggi
0.30 - 0.69	Sederhana
0.00 - 0.30	Rendah

Berdasarkan kajian analisis alpha cronbach yang dijalankan terhadap instrumen yang telah dibina bagi tujuan penyelidikan proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam, keputusan ujian rintis menunjukkan indeks nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach terhadap kesemua konstruk item bagi soal selidik yang dibina oleh pengkaji adalah berada pada tahap antara nilai indeks 0.90 hingga 1.00. Ini bermakna kesemua konstruk item menurut tafsiran Babbie (1992) adalah pada tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan boleh diterima.

Konstruk item pertama yang terdapat pada instrumen soal selidik yang dibina pengkaji iaitu berkenaan persepsi tentang proses pensijilan halal sejumlah 21 item menghasilkan nilai alpha (.918) iaitu pada tahap yang sangat tinggi manakala konstruk kedua mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan halal pula menghasilkan nilai alpha Cronbach iaitu (.977), juga pada tahap yang sangat tinggi. Konstruk ketiga instrumen soal selidik berkenaan proses pensijilan halal di Brunei iaitu tentang masalah yang wujud yang menghalang keberkesanan proses pensijilan halal telah menghasilkan nilai *alpha Cronbach* (.982) dengan tafsiran tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Begitu juga dengan konstruk item tentang kelebihan pensijilan halal Brunei Darussalam juga memperolehi nilai alpha sebanyak (.982) dengan tafsiran tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi manakala konstruk ke enam dalam instrumen soal selidik proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam yang memfokuskan kepada cadangan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan proses pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam telah mendapat nilai alpha (.946) iaitu pada tahap yang sangat tinggi. Secara keseluruhannya, kesemua item yang terdapat di dalam instrumen yang telah dibangunkan adalah berada pada tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi Hasil analisis keseluruhan jumlah 101 item telah menghasilkan nilai alpha Cronbach iaitu (.987) iaitu pada tahap yang sangat tinggi. Hasil keputusan dapatan analisis alpha Cronbach bagi konstruk item dan atribut item bagi penyelidikan proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam tersebut adalah sebagaimana jadual 3 berikut:

Jadual 3: Keputusan Analisis Nilai Cronbach alpha (α) dan Tafsiran

Bahagian	Konstruk Item	Jumlah Item	Nilai Pekali Alpha Cronbach	Indikator
A	Persepsi Tentang Proses pensijilan Halal	21	.918	Sangat Tinggi
B	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Proses pensijilan Halal	24	.977	Sangat Tinggi
C	Masalah Yang Wujud Dan Menghalang Keberkesanan Proses pensijilan Halal	24	.982	Sangat Tinggi
D	Kelebihan pensijilan Halal Brunei Darussalam	21	.982	Sangat Tinggi
E	Cadangan Bagi Meningkatkan Kualiti Dan Keberkesanan Proses pensijilan Halal Di Negara Brunei Darussalam	11	.946	Sangat Tinggi
	Jumlah	101	.987	Sangat Tinggi

Cadangan

Berdasarkan salah satu daripada konstruk yang telah dibina oleh pengkaji iaitu untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan halal, maka hasil kajian ini mencadangkan agar dilakukan analisis faktor untuk menetapkan tahap kesahan konstruk item dalam satu set instrumen soal selidik. Hal ini adalah bertujuan untuk menyusun sebilangan besar item soal selidik ke dalam kostruk tertentu di bawah pemboleh ubah kajian bagi mengenal pasti dan mengurangkan kesesuaian item-item dalam konstruknya. Jika instrumen soal selidik itu mempunyai jumlah item yang banyak serta menyebabkan kekeliruan tentang item mana yang perlu dikelompokkan dalam konstruknya, maka jalan penyelesaian bagi permasalahan kekeliruan tersebut adalah dengan membuat ujian analisis faktor. Analisis faktor menggunakan data berskala interval hendaklah terlebih dahulu menganalisis nilai min dengan membuat *compute*. Jenis ujian yang sesuai untuk menentukan sama ada data tersebut sesuai untuk menjalankan faktor analisis atau tidak adalah ujian Kaiser-Meyer-Olkin dan Bartlett (Ujian KMO dan Bartlett). Antara kelebihan ujian jenis ini juga adalah satu cara untuk menentukan kesempurnaan atau kecukupan item. Jika dapatan laporan kesahan konstruk menunjukkan nilai KMO melebihi nilai 0.6 ($= >0.6$) dan nilai ujian Bartlett yang besar dan signifikan, maka sifat kebolehfaktor dapat diandaikan dan ujian boleh diteruskan.

Kesimpulan

Secara umumnya, mendapatkan kesahan instrumen adalah sangat penting bagi sesuatu kajian yang dijalankan. Tujuan pengkaji melaksanakan proses kesahan instrumen yang dibangun adalah semata-mata untuk menghasilkan dapatan kajian yang berguna dan bertepatan untuk menjawab persoalan kajian di samping melihat kesesuaian dan relevannya terhadap kajian yang dijalankan. Antara yang penting juga melalui dapatan kajian ini, pengkaji mampu membuat keputusan berhubung apa yang cuba dicari atau apa jua keputusan yang hendak dihasilkan penilaian dan seterusnya untuk menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pemboleh ubah yang hendak diukur bagi menginferenkan data kajian. Adapun analisis ujian menggunakan pekali alpha bagi kebolehpercayaan instrumen soal selidik juga adalah amat penting untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan dan mendapatkan ciri-ciri konsisten instrumen setiap kali digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Selain itu, kajian rintis berskala kecil terhadap instrumen soal selidik yang dibangunkan juga membantu untuk mendapatkan ketelusan data dan berupaya menilai ketekalan item daripada aspek aras item, objektif item, kefahaman item, kebolegunaan item dan arahan item itu sendiri. Secara umumnya, dapatan kajian bagi pembangunan instrumen soal selidik tentang proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam ini khususnya dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah membantu pengkaji mempertahankan kejitian instrumen dan data-data yang diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti.

Rujukan

- Ahmad Hidayat B. & Zulzaidi M. (2012). Isu dan cabaran badan pensijilan halal di Malaysia. *Jurnal Syariah* 20(3): 271-288
- Babbie, E. (1992). *The practice of social research*. California: Wardsworth Publishing Company.
- Creswell, John W. (2012). *Educational research: planning, conducting, evaluating, quantitative and qualitative research* (Fourth Edition). United State of America: Pearson Education Inc.
- Ghazali D., & Sufean H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hartini A., & Hamidah N. (2018). Keyakinan pelanggan terhadap pensijilan halal meningkatkan kesetiaan pelanggan di dalam industri perhotelan di Negeri Melaka. *Jurnal Ilmi (Ilmi Journal)* 8:45-63
- Khairul Anuwar M., Joni T., B. & Mohd Roslan M., Nor. (2017). Manual Prosedur pensijilan Halal Malaysia Sebagai Suatu Aplikasi Memenuhi Keperluan Konsep Halalan Tayyiban: Suatu Analisis. *Online Journal Research on Islamic Studies*. 4(1): 1-16.
- Majlis Ugama Islam (2007). *Garis panduan bagi pensijilan halal – BCG 1*. Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam
- Majlis Ugama Islam (2007). *Garis panduan untuk Audit pematuhan halal –BCG2*. Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam.

- Mohd Faizal N. L. A., & Leow T. W., (2017): Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu (Learning Form One Geometry: Validity And Reliability Of A Self-Evaluation Instrumen). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*:14(1): 211-265
- Mohd Nazri A. R. (2007) Kajian terhadap keberkesanan pensijilan halal di rumah penyembelihan, sekitar Kota Kinabalu Sabah. Tesis. Universiti Malaysia Sabah
- Noor Fiteri A. & Masnisah M.(2015). Cabaran Pelaksanaan pensijilan Halal di Perlis: Pengalaman Bahagian Penyelidikan dan Hab Halal. *2nd International Convention On Islamic Management 2015 Department Of Shariah And Management, Academy Of Islamic Studies*university Of Malaya
- Popham, J. (1990). *Modern Educational Measurement. A Practitioner's Perspective*. (2nd ed), New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliff.
- Wiersma W. & Jurs S.G. 1990. *Educational Measurement and Testing*. Ed.ke-2. Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. Ed. Ke-7. Boston: Allyn & Bacon.